



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(69)  
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 13/02/2018

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 1/2018**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN** : **PEREKA GRED B41**
- (b) **PENEMPATAN:** Perkhidmatan Persijilan Produk (PCS)
- (c) **TARAF  
JAWATAN** : Kontrak
- (d) **JADUAL GAJI:** RM 2,095.00 (Minimum) – RM 9,587.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN  
GAJI TAHUNAN:** RM 225.00
- (f) **IMBUHAN :**
  - (i) Tetap Khidmat Awam : RM 300.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM 300.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM 300.00

**(g) SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) terdiri daripada warganegara;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) memiliki kelayakan berikut:
  - (a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41 : RM 2,095.00)
  - (b) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NB1 : RM 2,302.30)

**(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(i) SYARAT TAMBAHAN**

- (i) Calon haruslah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan; dan
- (ii) Fasih berbahasa dan mahir dalam penulisan sekurang-kurangnya dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

**(j) SKOP TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk perabot termasuklah grafik dan multimedia, pameran dan publisiti dalam bentuk visual.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik *resume* yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 06 Mac 2018 (Selasa)**

**CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.